



**PUSAT MAKLUMAT PENYAKIT HAIWAN
(ANIMAL DISEASE INFORMATION CENTRE (ADIC))**

Nombor Dokumentasi: ADIC (2011)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRY ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
Kata-kata aluan	3
Kata singkatan	4
Pengenalan	5
BAHAGIAN 1: OBJEKTIF UTAMA ADIC	7
1.0 Objektif	
2.0 Konsep	
3.0 Tanggungjawab perkhidmatan veterinar	
4.0 Sistem penyampaian Perkhidmatan Veterinar	
5.0 Penyakit Wajib Lapor Malaysia	
6.0 Pengumpulan data status penyakit secara fizikal mengikut bidang kuasa	
7.0 Pengurusan insiden dan wabak penyakit haiwan	
8.0 Kaedah, kawalan dan pembasmian penyakit haiwan	
9.0 Penetapan status indeks penyakit mengikut kod warna	
BAHAGIAN 2. RANTAIAN TANGGUNGJAWAB	13
2.0 Pengurusan indeks penyakit	
BAHAGIAN 3. PEGAWAI KES	14
3.0 Tanggungjawab	
3.1 Definisi kes penyakit haiwan	
BAHAGIAN 4. TATACARA PELAPORAN	15
4.0 Pelaporan	
BAHAGIAN 5. SURVELAN	16
5.0 Sistem amaran awal penyakit haiwan	
5.1 Tujuan surveilan penyakit haiwan	
5.2 Jenis-jenis surveilan	
5.2.1 Survelan aktif	
5.2.2 Survelan pasif	
LAMPIRAN	18

KATA-KATA ALUAN

Pemantauan penyakit haiwan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan sebagai *competent authority* untuk menangani kes-kes penyakit yang berlaku dalam haiwan terutama ternakan. Sebanyak 60% penyakit yang berlaku dalam manusia adalah berasal daripada haiwan. Oleh itu kaedah pemantauan yang berkesan adalah amat penting supaya kes-kes penyakit yang melibatkan bawaan haiwan kepada manusia dapat ditangani.

Dalam usaha memperbaiki kaedah pemantauan penyakit haiwan di Malaysia, Jabatan dengan itu telah menubuh sistem yang dipanggil Pusat Maklumat Penyakit Haiwan (*Animal Disease Information Centre (ADIC)*) di peringkat Ibu Pejabat Perkhidmatan Putrajaya. Tujuan penubuhan sistem ini adalah untuk memudah pelaporan semua kejadian penyakit haiwan yang berlaku di lapangan di seluruh Negara. Hasil-hasil penyiasatan sama ada di lapangan atau hasil ujian makmal perlu dilaporkan di dalam sistem secara penghantaran email kepada pegawai yang bertanggungjawab di Seksyen Epidemiologi dan Survelan, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan Sanitari Fitosanitari (BPBSPS), di IPPV Putrajaya.

KATA SINGKATAN

ADIC	Animal Disease Information Centre
dsb	Dan sebagainya
PWL	Penyakit Wajib Lapor
OIE	Office International des Epizooties: World Organisation for Animal Health
NACA	Network of Aquaculture Centras in Asia-Pacific
ICT	Information and communication technology
IP	Indeks Penyakit
GIS	Geographical Information System

Kajian epidemiologi

Kajian yang dijalankan bagi mendapat gambaran menyeluruh tentang sesuatu penyakit samada Penyakit Wajib Lapor (PWL), Penyakit baru muncul, muncul semula, zoonotik dan rentas sempadan.

Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan. Empat elemen penting dalam indeks ini ialah lokasi, haiwan, penyakit dan masa.

PENGENALAN

Tentang ADIC


Animal Disease Information Centre adalah pusat maklumat penyakit haiwan di bawah Seksyen Epidemiologi dan Survelan, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan Sanitari Fitosanitari (BPBSPS), Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

Animal Disease Information (Maklumat Penyakit Haiwan) merupakan komposit maklumat penyakit haiwan dari perkhidmatan veterinar negeri, makmal veterinar dan lain-lain agensi dalaman jabatan berkaitan dengan status kesihatan dan kematian ternakan sebagai yang tersenarai dalam Penyakit Wajib Lapor (PWL) (Lampiran 1).

Maklumat yang dijanakan darinya digunakan oleh pihak berkepentingan:


1. Perkhidmatan Veterinar Malaysia
2. OIE; secara tahunan atau semester.
3. *Asia-Pacific Regional Office of the OIE* dan
4. NACA (untuk penyakit haiwan akuatik, ikan dsb)

ADIC- Animal Disease Information Centre



GAMBARAJAH 1(a): ANIMAL DISEASE INFORMATION CENTER (ADIC)

SISTEM SURVELAN PENYAKIT HAIWAN



Department of Veterinary Services, Malaysia

GAMBARAJAH 1(b): ANIMAL DISEASE INFORMATION CENTER (ADIC)

BAHAGIAN 1: OBJEKTIF UTAMA ANIMAL DISEASE INFORMATION CENTRE (ADIC)

1.0 Objektif Utama

Objektif utama pembentukan dan peranan ADIC selari dengan objektif Jabatan iaitu untuk memperkasa dan mengekalkan status kesihatan haiwan yang diyakini lagi kondusif untuk industri haiwan.

2.0 Konsep

Peri pentingnya komunikasi dan keseragaman dalam standard pelaporan insiden dan aktiviti kawalan dan pembasmian penyakit haiwan di peringkat daerah dan negeri tidak mengambil ringan tentang kualiti, ketepatan, ketekalan (*consistency*), kebolehpercayaan dan pendedahan semua (*Full disclosure* - ie ketelusan) dalam melaporkan status penyakit dan aktiviti yang berkaitan dengannya, di peringkat negeri, merupakan unsur penting dalam komunikasi bagi pengurusan dan kawalan penyakit haiwan yang berkesan di dalam negara.

3.0 Tanggungjawab Perkhidmatan Veterinar Malaysia

3.1 Menyelaras aktiviti-aktiviti merentasi bidang kuasa seperti komunikasi dan tindakbalas kecemasan termasuk komunikasi antarabangsa, kerjasama dengan agensi lain, penetapan standard dan protokol, kuarantin dan perdagangan.

3.2 Semua perkhidmatan veterinar negeri dalam Malaysia mempunyai peraturan dan kuasa perundangan. Akta Binatang 1953 mengkehendaki kejadian atau asas untuk mengesyaki penyakit haiwan dilaporkan kepada pihak berkuasa veterinar yang tersenarai dalam Penyakit Wajib Laporkan di bawah peruntukan yang ada.

4.0 Sistem Penyampaian Perkhidmatan Veterinar

Dari segi kawalan dan pembasmian penyakit, sistem penyampaian veterinar memberi tekanan kepada dua prinsip penting:

1. Ketelusan

Memastikan ketelusan tentang situasi domestik penyakit haiwan. Setiap perkhidmatan veterinar negeri bertanggungjawab melaporkan penyakit haiwan yang dikesan dalam negeri masing-masing. Di peringkat ibu pejabat, Jabatan menyebarkan/menyalurkan maklumat ini kepada negeri-negeri lain, supaya mereka dapat mengambil langkah selanjutnya untuk mencegah dan mengawal perjangkitan.

Maklumat ini termasuklah perjangkitan kepada manusia (zoonotik) dan kemasukan patogen ke dalam sesebuah negeri secara sengaja (contohnya ketika permindahan haiwan yang berpenyakit). Maklumat ini dihantar dengan segera atau secara berkala bergantung kepada tahap serius sesuatu kejadian penyakit itu.

Objektif ini digunapakai kepada kewujudan penyakit secara semula jadi atau dengan sengaja. Sebaran maklumat adalah secara perbincangan dalam mesyuarat, surat menyurat dan melalui telefon.

2. Maklumat itu saintifik

Mengumpul, menganalisis dan menyebarkan maklumat saintifik veterinar.

ADIC akan mengumpul dan menganalisis maklumat terkini berkaitan dengan kes kejadian dan kawalan penyakit. Kadangkala **kajian epidemiologi** dijalankan dan hasil maklumat ini akan disebarkan ke semua perkhidmatan veterinar untuk memberi kesedaran pihak berkuasa veterinar negeri dan pengelola ladang ternakan dalam mengawal dan membasmi penyakit di peringkat masing-masing. Arahan, protokol dan panduan dikeluarkan dari masa ke semasa.

5.0 Penyakit Wajib Laport Malaysia

- Mengandungi senarai penyakit haiwan yang telah diwartakan dan mesti dilaporkan (Akta Binatang 1953, pindaan 2006), juga merupakan senarai yang terdapat dalam *OIE in the **Animal Health Code diseases***
- Penyakit-penyakit lain yang berkepentingan kepada Malaysia, seperti penyakit ikan dan lebah (Lampiran 2)

6.0 Pengumpulan data status penyakit secara fizikal mengikut bidang kuasa

Bagaimana Malaysia mengumpul data status penyakit secara fizikal mengikut bidang kuasanya.

1. Pegawai Veterinar (Bahagian Kesihatan) perkhidmatan veterinar negeri menyelaras maklumat dari Perkhidmatan veterinar daerah dalam sesebuah negeri.
2. Dari laporan perkhidmatan makmal veterinar - ada 6 makmal:
 - i. MVK Johor Bahru, Johor
 - ii. MVK Salak Tinggi, Selangor
 - iii. MVK Kuantan, Pahang
 - iv. MVK Kota Bharu, Kelantan
 - v. MVK Bukit Tengah
 - vi. *Veterinary Research Institute (VRI)*
3. Dari perkhidmatan stesyen kuarantin - 37 buah Stesen Kuarantin dan Pintu Masuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
4. Dari rumah sembelih (abatoir) - ***Veterinary Inspection Services (Biosecurity Division)***.
5. Pegawai Veterinar di Seksyen Epidemiologi dan Survelan akan memperakui (*validates*) setiap laporan yang sepatutnya disahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri sebelum data tersebut dikumpulkan bagi tujuan lain dan OIE.

7.0 Pengurusan insiden dan wabak penyakit haiwan

Bagaimana Malaysia mengendalikan pengurusan insiden dan wabak penyakit haiwan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia memperkenalkan skim kod warna yang berkait dengan tindakbalas yang diperlukan. Ia bermula dari penyiasatan, tindakan mengawal dan akhirnya membasmi sesuatu penyakit. Setiap tindak balas itu boleh diukur, direkod dan ditentukan statusnya. Apabila sesuatu penyakit haiwan dikesan, ia ditandakan sebagai **Indeks Penyakit** dan bermulalah tindakan membasminya. **Pegawai Kes**

dikenalpasti untuk bertanggung jawab dan menyeliakan insiden itu dengan membuka **Fail Kes**, sehingga insiden itu tamat (Lampiran 3).

Impak pengurusan insiden dan wabak penyakit yang berkesan.

- Impak kaedah ini lebih dari sekadar menentukan status penyakit/kesihatan haiwan atau mengawal dan membasmi penyakit bagi sesuatu wilayah, tetapi matlamat akhirnya ialah meningkatkan potensi perdagangan ternakan dan hasil ternakan di antara negeri dan dengan rakan perdagangan antarabangsa.
- Apabila sesuatu wilayah disahkan bebas daripada penyakit yang berkenaan, taraf risiko penyakit 'diturunkan' dan rakan perdagangan akan membuka pintu masuknya.

8.0 Kaedah, kawalan dan pembasmian penyakit haiwan

Pengenalan kaedah INDEKS PENYAKIT HAIWAN dalam kawalan dan pembasmian penyakit haiwan.

Indeks penyakit Haiwan mengandungi empat teras komponen:

1. Ada **haiwan**
2. Di sesuatu **lokasi**
3. Yang **berpenyakit**
4. Pada sesuatu **masa** itu.

Mengikut Akta Binatang 1953, lokasi haiwan terjangkit atau satu perimeter kawasan yang ditentukan dari pusat lokasi itu akan diisytiharkan sebagai **Zon Kawalan** di bawah kuasa pihak berkuasa veterinar negeri dan beberapa aktiviti biosekuriti dan SPS untuk mengawal dan membasmi penyakit dijalankan. Antaranya memusnahkan haiwan terjangkit, sekatan-sekatan pemindahan, jual beli, penyembelihan dan sebagainya. (Lampiran 4)

9.0 Penetapan status indeks penyakit mengikut kod warna

Penerangan ke atas Penetapan Status Indeks Penyakit mengikut kod warna

(Lampiran 5)

1. Di mana laporan kejadian **kes penyakit** yang diterima tetapi belum disahkan diagnosisnya akan dilakarkan sebagai "KELABU" i.e *IP-Belum Sah*.
2. Diagnosis **IP** disahkan secara penyiasatan epidemiologi dan/atau laporan pemeriksaan makmal. **Penyelaras ADIC** akan mengaktifkan fail bagi **IP** tersebut dan melakarkan status **IP** sebagai "MERAH" i.e *IP-Aktif*.
3. **Pegawai kes** berkaitan dengan **IP** tersebut akan menyelaras dan/atau menjalankan langkah kawalan dan pembasmian penyakit sebagaimana yang telah dijadualkan.

Seterusnya **Pegawai Kes** melaporkan kemajuan setiap tindakan tersebut kepada Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri dan dipanjangkan ke **Penyelaras ADIC**.

Setelah langkah kawalan penyakit termasuklah surveilan dijalankan dan memenuhi syarat yang ditentukan maka tarikh akhir kes klinikal dikesan perlu direkodkan dan **Pegawai Kes** yang berkaitan akan mengembalikan Borang Laporan Indeks Penyakit (**EpiS 06**) yang telah dilengkapkan; secara elektronik atau pos kepada **Penyelaras ADIC**.

Pegawai **Penyelaras ADIC** akan menukar status IP kepada "KUNING" i.e **IP Kawalan**. Aktiviti surveilan aktif mestilah mengikut **Protokol Veterinar Malaysia** atau **kod Terrestrial OIE**, bagi penyakit berkenaan.

4. Sesuatu aktiviti surveilan (aktif) **IP** adalah di dalam jangkamasa sekurang-kurangnya dua kali ganda masa inkubasi penyakit dan apabila di dapati tiada lagi tanda-tanda klinikal dan/atau keputusan pemeriksaan **makmal**; yang mana sesuai dan di dapati negatif maka Pegawai **Penyelaras ADIC** akan menukar status **IP** kepada "HIJAU"- i.e *IP-Pulih*.
5. Apabila **kejadian kes penyakit** di kawasan tersebut telah dibasmi secara menyeluruh dan telah mematuhi spesifikasi protokol **Protokol Veterinar Malaysia** atau **kod Terrestrial OIE** maka Pegawai Survelan Negeri yang dilantik akan menjalankan **survelan aktif** bagi penentuan indeks bebas penyakit, bilamana perlu. **Penyelaras ADIC** akan memanggil satu mesyuarat Jawatankuasa Indeks Penyakit (JIP) bagi mengesyorkan *IP-Pulih*. Setelah mendapat persetujuan ahli Jawatankuasa

Indeks Penyakit (JIP) maka **Penyelaras ADIC** menukar status **IP** tersebut kepada "PUTIH" ie *IP-Bebas*.

6. Pihak berkuasa Veterinar daerah dan negeri boleh membenarkan aktiviti berkaitan pemindahan (i.e perdagangan) ternakan di dalam, dari dan keluar dari Kawasan Kawalan **IP** tersebut berjalan seperti biasa **dan fail IP** ditutup.

BAHAGIAN 2: RANTAIAN TANGGUNGJAWAB

2.0 Pengurusan Indeks Penyakit

Pengurusan **Indeks Penyakit Haiwan** bermula dari:

1. Penerimaan laporan kes kejadian penyakit dari berbagai-bagai sumber,
2. Pengaktifan indeks penyakit dengan pengumpulan/input maklumat yang mengesahkan penyakit dan berkaitan dengannya
3. Pengaktifan beberapa tindakan seperti
 - a. kawalan dan pembasmian penyakit yang dijalankan dan diseliatkan oleh **Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit**
 - b. kawalan pergerakan ternakan dari Indeks ke luar melalui kawalan permit pemindahan, sekatan pergerakan dsb.
4. Menjalankan aktiviti surveilans untuk mengesah atau menidakkan prevalen penyakit dalam indeks sehingga bebas dari penyakit tersebut yang diseliatkan oleh Seksyen Epidemiologi dan Surveilans (Lampiran 6).
5. Pengisytiharan bebas penyakit bagi indeks tersebut, setelah divalidasikan kes terakhir.

BAHAGIAN 3: PEGAWAI KES

3.0 Tanggungjawab

- **Pegawai kes** adalah pegawai dilantik dan bertanggungjawab kepada sesuatu **kes (insiden) penyakit** haiwan atau sesuatu **indeks penyakit** untuk mengurus, menyelaras dan / atau menjalankan langkah kawalan dan memantau status penyakit atau indeks penyakit berkenaan.
- Bagi setiap masalah/aduan penyakit berbeza yang dikemukakan oleh pelanggan kepada Pusat Perkhidmatan Veterinar akan dibuka satu **Fail Kes**.
- Seorang pihak berkuasa veterinar akan dikenalpasti sebagai Pegawai Kes untuk mengendalikan kes berkenaan dari mula sehinggalah kes berkenaan ditutup atau bebas seperti sediakala. Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri secara keseluruhannya bertanggungjawab untuk menetapkan Pegawai Kes.
- Semua kejadian/insiden kes penyakit haiwan hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri melalui Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar dan seterusnya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar melalui ADIC.

3.1 Definasi Kes Penyakit Haiwan

1. Kejadian kes penyakit meliputi semua kejadian PWL,
2. Semua kematian haiwan yang melebihi dari kebiasaan (Lampiran 7)
3. Semua petanda/gejala penyakit berjangkit yang berkaitan dengan:
 - a. Pernafasan
 - b. Sistem saraf (contoh agresif, garang, hilang keseimbangan, tortikolis)
 - c. Anorexia yang tidak diketahui sebabnya (contoh makanan tidak habis)
 - d. Kemorosotan kadar parameter pengeluaran (contoh pengeluaran susu, telur, berat badan) dengan drastik
 - e. Lesi vesikular (contoh melepuh kulit mulut atau lidah, cacar)
 - f. Cirit birit dan
 - g. Keguguran

BAHAGIAN 4: TATACARA PELAPORAN

4.0 Pelaporan

1. Bagi pelaporan penyakit, apabila menerima aduan atau laporan dari mana-mana sumber mengenai sesuatu Kejadian Kes Penyakit, Pegawai Perkhidmatan Veterinar (PPV) hendaklah melaporkan kepada Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri.
2. Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah mengarahkan dan/atau menjalankan siasatan dan pengesahan penyakit tersebut. Prosedur siasatan dan pengesahan penyakit ini adalah seperti dalam Arahan Prosedur Tetap Veterinar Penyasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi (APTVM 22 (f):1/2011).
3. Setelah kejadian kes penyakit disahkan, Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah melaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, melaporkan kepada ADIC melalui Borang Laporan Kejadian Penyakit (*BLKP*) dengan kadar segera. Seterusnya menetapkan seorang **Pegawai Kes** yang akan bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penyelarasan langkah kawalan penyakit dan mendapatkan serta menyelaraskan perkhidmatan teknikal dan pakar bagi mengurus indeks tersebut, bilamana sesuai.
4. Pegawai **Penyelaras ADIC** hendaklah melaporkan kejadian kes penyakit kepada Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS untuk tindakan dan selanjutnya kepada Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) dan/atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, yang mana sesuai.

BAHAGIAN 5: SURVELAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai pihak berkuasa veterinar Malaysia perlu memiliki kemampuan untuk mengesan dan mengesah penyakit serta mengambil tindakan mengawal dan membasminya dengan pantas. Untuk tujuan tersebut Jabatan telah menyediakan perkhidmatan **survelan** penyakit haiwan di seluruh negara. Perkhidmatan surveilan ini disokong oleh rangkaian **sistem amaran awal penyakit**.

Survelan merupakan aktiviti persampelan, palaporan dan penganalisan yang sistematik bagi mengetahui status, taburan, corak dan tanda-tanda penyakit dalam populasi ternakan

5.0 Sistem Amaran Awal Penyakit Haiwan

Sistem Amaran Awal Penyakit Haiwan adalah kaedah teknikal dan biologikal digunakan oleh DVS untuk mengesan atau memaklumkan kemungkinan berlakunya wabak penyakit. Tujuannya untuk membolehkan DVS bersedia menghadapi kemungkinan dan bertindakbalas dengan sewajarnya untuk mitigasi atau mengelakkannya.

1. Teknikal. Sistem Pelaporan yang tersusun, kumpul semak data yang berkesan, pengkalan data, analisis data yang kritis, penyebaran maklumat yang cekap, kesiapsiagaan dan sistem bertindakbalas yang kemas. Penggunaan ICT, GIS dan telekomunikasi.
2. Biologikal. Pengumpulan, pengesanan dan pencirian patogen yang berkesan (kemampuan diagnosis penyakit).

5.1 Tujuan surveilan penyakit haiwan

APAKAH TUJUAN SURVELAN PENYAKIT HAIWAN?

Survelan untuk penyakit haiwan bertujuan:

1. Menentukan status Penyakit Wajib Lapor dalam Negara.
2. Mewujudkan sistem surveilan penyakit; bermula dari pengesanan awal dan pengesahannya.

3. Mengesan penyakit jangkitan sub-klinikal pada populasi haiwan yang disasarkan pada risiko tertentu.
4. Menentukan status bebas dalam kepungan, zon, negeri atau negara dari jangkitan sesuatu penyakit haiwan dalam rangka perdagangan antarabangsa.

5.2 Jenis-jenis surveilan

DUA JENIS SURVELAN

5.2.1. SURVELAN AKTIF

Survelan aktif dilakukan dalam tahun fiskal yang ditentukan dan dijadualkan oleh DVS. Antaranya:

- a. Pelan Survelan Kebangsaan Tahunan**
- b. Indeks Penyakit**
- c. Survelan ketika wabak**

5.2.2. SURVELAN PASIF

Survelan pasif terkandung dan menjadi sebahagian daripada teras perkhidmatan veterinar yang berlaku sepanjang tahun oleh veterinarwan, pegawai veterinar dan pihak berkuasa veterinar. Semua pihak menjalankan pemerhatian di peringkat lapangan ke atas tanda klinikal, kematian atau morbiditi yang lebih tinggi dari biasa dari setiap haiwan serta melaporkannya.

Pusat berikut dikehendaki menghantar sampel yang dicurigai berpenyakit ke makmal yang berdekatan.

- 1. DVS Negeri**
- 2. Premis pengeluaran dan pembiakan ternakan** termasuk kepunyaan DVS.
- 3. Makmal perkhidmatan veterinar** (Awam dan Swasta, termasuk Universiti).
- 4. Perkhidmatan Veterinar Daerah.**
- 5. Klinik veterinar** termasuk kepunyaan DVS.
- 6. Pusat Pengumpulan Industri Tenusu.**
- 7. Ladang ternakan dari Institut Latihan** termasuk kepunyaan DVS.
- 8. Rumah sembelih**

SENARAI PENYAKIT WAJIB LAPOR

1. African horse sickness
2. African swine fever
3. Anaplasmosis
4. Anthrax
5. Athropic rhinitis
6. Aujeszky's disease (Pseudorabies)
7. Avian chlamydiosis (Psittacosis-Ornithosis)
8. Avian encephalomyelitis
9. Avian infectious bronchitis
10. Avian leucosis
11. Avian mycoplasmosis
12. Avian salmonellosis
13. Avian spirochaetosis
14. Babesiosis
15. Blackleg
16. Blackquater
17. Bluetongue
18. Botulism
19. Bovine leukosis (Enzootic bovine leukosis)
20. Bovine spongiform encephalopathy (BSE)
21. Bovine viral diarrhea
22. Brucellosis
23. Campylobacteriosis
24. Caseous lymphadenitis
25. Classical swine fever
26. Colibacillosis
27. Contagious agalactia
28. Contagious bovine pleuropneumonia
29. Contagious caprine pleuropneumonia
30. Contagious equine metritis
31. Contagious ophthalmia
32. Contagious pustular dermatitis
33. Cysticercosis
34. Dermatophilosis
35. Dourine
36. Duck virus enteritis
37. Duck virus hepatitis
38. Eastern equine encephalomyelitis
39. Ebola disease
40. Echinococcosis
41. Enterotoxaemia
42. Enterovirus encephalomyelitis
43. Epizootic Lymphangitis
44. Equine coital exanthema
45. Equine encephalomyelitis
46. Equine herpes virus (Type 1 & 4)
47. Equine infectious anemia
48. Equine piroplasmosis
49. Equine rhinopneumonitis
50. Equine influenza
51. Equine viral arteritis
52. Foot and mouth disease
53. Foot-rot
54. Fowl cholera
55. Fowl pox
56. Fowl typhoid
57. Glanders and farcy
58. Goat pox
59. Hanta virus disease
60. Haemorrhagic septicaemia
61. Heartwater disease
62. Hendra virus disease
63. Highly pathogenic avian influenza (Fowl plague)
64. Horse mange
65. Horse pox
66. Ibaraki disease
67. Infectious bovine rhinotracheitis
68. Infectious bursal disease (Gumboro disease)
69. Infectious coryza
70. Infectious laryngotracheitis
71. Japanese encephalitis
72. Jembrana
73. Johne's (Paratuberculosis)
74. Leishmaniosis
75. Leptospirosis
76. Listeriosis
77. Lumpy skin disease
78. Maedi-visna
79. Malignant Catarrhal Fever
80. Marburg disease
81. Marek's disease
82. Melioidosis
83. Myxomatosis
84. Nairobi sheep disease
85. New world screwworm
86. Newcastle disease
87. Nipah virus disease (Viral encephalitis)
88. Old world screwworm

89. Ovine chlamydiosis
90. Peste des petits ruminants
91. Porcine cysticercosis
92. Porcine dermatitis and nephritis syndrome (PDNS)
93. Porcine reproductive and respiratory syndrome (PRRS)
94. Post weaning multisystemic syndrome (PMWS)
95. Pullorum disease
96. Pulmonary adenomatosis
97. Q fever
98. Rabbit haemorrhagic disease
99. Rabies
100. Rift Valley fever
101. Rinderpest
102. Salmonellosis
103. Scrapie
104. Sheep mange
105. Sheep pox
106. Strangles
107. Streptococcosis
108. Surra
109. Swine erysipelas
110. Swine vesicular disease
111. Theileriosis
112. Toxoplasmosis
113. Transmissible gastroenteritis
114. Trichinellosis
115. Trichomonosis
116. Tuberculosis
117. Tularaemia
118. Ulcerative lymphangitis
119. Venezuelan equine encephalitis
120. Vesicular stomatitis
121. Vibriosis
122. West Nile fever
123. Western equine encephalomyelitis
124. Yersiniosis
125. Influenza A H1N


Senarai Penyakit Ikan, Krustasea, Moluska dan Amfibia


1. Epizootic haematopoietic necrosis
2. Infection with *Aphanomyces invadans* (epizootic ulcerative syndrome)
3. Infection with *Gyrodactylus salaris*
4. Infection with HPR-deleted or HPR0 infectious salmon anaemia virus
5. Infection with salmonid alphavirus
6. Infectious haematopoietic necrosis
7. Koi herpesvirus disease
8. Red sea bream iridoviral disease
9. Spring viraemia of carp
10. Viral haemorrhagic septicaemia
11. Crayfish plague (*Aphanomyces astaci*)
12. Infection with Yellowhead virus
13. Infectious hypodermal and haematopoietic necrosis
14. Infectious myonecrosis
15. Necrotising hepatopancreatitis
16. Taura syndrome
17. White spot disease
18. White tail disease
19. Infection with abalone herpesvirus
20. Infection with *Bonamia exitiosa*
21. Infection with *Bonamia ostreae*
22. Infection with *Marteilia refringens*
23. Infection with *Perkinsus marinus*
24. Infection with *Perkinsus olseni*
25. Infection with *Xenohaliotis californiensis*

26. Infection with abalone herpesvirus
27. Infection with *Bonamia exitiosa*
28. Infection with *Bonamia ostreae*
29. Infection with *Marteilia refringens*
30. Infection with *Perkinsus marinus*
31. Infection with *Perkinsus olseni*
32. Infection with *Xenohaliotis californiensis*

Senarai Penyakit Lebah



1. Infection of honey bees with *Melissococcus plutonius* (European foulbrood)
2. Infection of honey bees with *Paenibacillus larvae* (American foulbrood)
3. Infestation of honey bees with *Acarapis woodi*
4. Infestation of honey bees with *Tropilaelaps* spp.
5. Infestation of honey bees with *Varroa* spp. (Varroosis)
6. Infestation with *Aethina tumida* (Small hive beetle)





Indeks Penyakit


- Tempat
- Haiwan
- Penyakit
- masa



Jadual Klasifikasi Kod warna Indek Penyakit

Kod Warna	Maksud
Kelabu	INDEKS PENYAKIT-Belum sah: Terdapat laporan/ Kes Kejadian Penyakit. Penyakit dalam status disyaki dan diagnosis belum disahkan.
Merah	INDEKS PENYAKIT- Aktif: Diagnosis penyakit telah disahkan secara epidemiologi/ laporan makmal. <i>Fail INDEKS PENYAKIT dibuka/diaktifkan</i>
Kuning	INDEKS PENYAKIT-Kawalan: Langkah kawalan penyakit dijalankan, termasuk surveilan. Tarikh akhir kes klinikal dikesan direkodkan.
Hijau	INDEKS PENYAKIT-Pulih: Tiada lagi tanda-tanda klinikal, penemuan atau pengesanan patogen penyakit di perolehi.
Putih	INDEKS PENYAKIT-Bebas: Jawatakuasa Indeks Penyakit (JK INDEKS PENYAKIT) mengesyorkan Penyakit Bebas di indeks. <i>Fail INDEKS PENYAKIT ditutup.</i>

CARTA ALIRAN KERJA PENGURUSAN UMUM INDEKS PENYAKIT



**PANDUAN 'KEMATIAN MELEBIHI KEBIASAAN' DALAM SESUATU GEROMPOK
ATAU PREMIS YANG WAJIB DILAPORKAN MENGIKUT JENIS HAIWAN.**

Bil	Jenis Haiwan	Kematian (bilangan/Peratus)
1	Lembu	Melebihi 3 ekor sehari
2	Kerbau	Melebihi 3 ekor sehari
3	Kambing/bebiri	Melebihi 3 ekor sehari
4	Babi	Melebihi 5 ekor sehari
5	Ayam/Itik komersial	Melebihi 1 % dari populasi dalam sehari
6	Ayam/Itik Kampung	Melebihi 50% dari populasi dalam sehari
7	Anjing	Melebihi 3 ekor sehari
8	Kucing	Melebihi 3 ekor sehari
9	Burung Peliharaan	Melebihi 50% sehari
10	Kuda	Melebihi 2 ekor sehari
11	Haiwan Liar/zoo	Melebihi 2 ekor sehari